

Headline	Komited perkasa industri tani negara		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	27 May 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	12	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	855 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 29,360
Frequency	Daily	PR Value	RM 88,080

→ ISU

Komited perkasa industri tani negara



Saya tidak akan amalkan prinsip 'kawan-kawan' yang hanya ambil kesempatan"

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian dan
Industri Asas Tani

Segala dasar dan pelaksanaan akan diberi tumpuan sepenuhnya oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub, selain memastikan penambahbaikan dan reformasi bukan hanya pada peringkat kementerian tetapi agensi di bawahnya, dalam usaha merencanakan sektor pertanian negara. Ikuti soal jawab wartawan NSTP, Fahmy Azril Rosli dan Tasnim Lokman bersama Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulau di pejabat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Putrajaya.

Soalan: Apa perancangan YB apabila diberi tanggungjawab memerajui kementerian ini?

Jawapan: Pada prinsipnya, saya tiada masalah meneruskan program dilaksanakan menteri dahulu. Yang baik akan diberikan penambahbaikan, manakala kekurangan akan dibaiki supaya semua program mencapai sasaran. Itu asas cara saya bekerja. Saya mahukan setiap peruntukan, bajet dan program kementerian sampai kepada golongan sasaran.

Tiada isu politik yang kemungkinan akan menggagalkan ataupun merencatkan apa yang menjadi matlamat kementerian. Jadi kepada mereka yang layak menerimanya, saya akan pastikan ada mekanisme pemilihan, iaitu tender, sama ada pemberian projek, bantuan khas ataupun geran yang diperuntukkan untuk semua agensi. Semua mesti disampaikan kepada golongan sasaran.

Mekanisme kita akan cari kalau masih kurang, saya akan buat penambahbaikan supaya setiap individu yang layak mendapat manfaat daripada kementerian ini tidak terlepas, tak kira sesiapa.

Kalau mahu mohon projek atau geran, pegawai saya akan teliti cadangan. Saya juga kena pastikan mereka benar-benar bersungguhsungguh dan pegawai saya pada peringkat akar umbi akan nilai mereka ini. Sekiranya layak, maka tiada halangan. Saya tidak mahu ada kerenah birokrasi supaya khidmat dapat disampaikan secara efisien. Itu saya harapkan.

Saya juga tidak akan mengamalkan prinsip 'kawan-kawan' yang hanya untuk ambil kesempatan. Tidak! Insya-Allah. Walaupun mereka ini dari Parti Amanah Negara (AMANAH atau mana-mana parti seperti UMNO) jika mereka usahawan atau anak muda yang benar-benar berminat, kita akan bantu. Yang penting negara dapat manfaat.

Bila perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dapat kita perkasakan, ia membantu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan itu matlamat saya. Justeru, kita harus mencontohi negara maju seperti Korea Selatan, Jepun dan Eropah. PKS mereka inilah yang akan dibangunkan dan diberikan peruntukan secukupnya, subsidi munasabah supaya ada perlindungan serius daripada kerajaan. Jadi, mereka menyumbang semula kepada ekonomi negara, ini matlamat kita.

S: Malaysia asalnya negara

peranian tetapi produk dihasilkan tidak cukup untuk diekspor. Mengapa perkara ini berlaku?

J: Itu yang saya sendiri harus pikul tanggungjawab. Ini isu lama. Kenapa kita tanam sayur dan buah, kita gagal komersialkan apatah lagi nak eksport, kecuali buah-buahan tertentu seperti durian Musang King kerana ia memang istimewa. Dahulu manggis berjaya tembusi pasaran Jepun dan Eropah. Jadi, itu kita kena tingkatkan, termasuk belimbing dan cili pun pernah diekspor.

Cuma kementerian harus melihat apa puncanya berdekad-dekad lamanya perkara ini tidak dapat kita selesaikan. Kenapa kita semakin jauh dengan Thailand sebagai contoh. Anggur kalau datang dari Asia, orang ibarat makhluk asing, tetapi anggur dari Thailand adalah biasa. Ini menunjukkan negara yang bermula daripada garisan pertama sudah jauh meninggalkan kita. Ini yang harus kita lihat.

Kita ada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan agensi lain, tetapi apa tidak kena? Adakah peruntukan tidak cukup? Adakah hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka tidak dikomersialkan ataupun apa sebenarnya berlaku ataupun wujud kerenah birokrasi atau bantuan diloncangkan daripada golongan terasari? Ini semua akan saya lihat secara holistik dan saya yakin serta percaya, kalau kita fokus kepada satu bidang dan kemudian diberi sepenuh tumpuan, termasuk memanfaatkan semua fasiliti kerajaan, akan berjaya.

S: Adakah masalah sama menimpa industri daging dan tenusu negara?

J: Hari pertama saya di MARDI, saya minta Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr Ismail Bakar, tengok balik kertas National Feedlot Corporation (NFC). Matlamat NFC sangat bagus dan objektifnya jelas untuk kita teruskan. Kalau boleh (berjaya) ia bakal menyumbang kepada 30 peratus pengeluaran daging tempatan untuk penguasaan di negara ini.

Kalau kita boleh tingkatkan, kita akan kurangkan kebergantungan kepada import. Ini baik untuk KDNK. Semakin banyak kita eksport, kurang kita import sekali gus membantu tingkatkan KDNK. Sebab itu saya mahu supaya ia dijadikan kertas Kabinet. Mungkin

dua minggu akan datang untuk siap. Saya akan bawa untuk penelitian Perdana Menteri dan sekiranya Kabinet sokong, maka projek itu akan dibangunkan kembali.

Tanah projek itu wujud, sebahagiannya di Negeri Sembilan, satu bahagian di Segamat dan satu lagi Muar, Johor. Minggu depan saya ada lawatan rasmi ke pejabat Menteri Besar Johor. Antara agenda perbincangan saya adalah untuk saya mohon kerajaan negeri izinkan tanah fidlot ini di Segamat dan Muar, untuk diberikan kepada kementerian untuk jalankan projek NFC ini tetapi namanya kena tukar, itu kemudian.

Paling penting, projek itu dapat kita bangunkan. Dengan kita memberikan peruntukan secukupnya, saya yakin dapat capai serampang dua mata. Kita dapat bangunkan usahawan muda, kita akan pilih siapa berminat kita akan beri mereka secukupnya latihan, peruntukan dan kita harap boleh capai pengeluaran daging tempatan. Kita fokus untuk tingkatkan produktiviti pada skala yang besar. NFC satu mekanisme yang baik.

Bahagian pendakwaan NFC pula, kita harus tunaikan janji kepada rakyat seperti dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) merangkumi projek mega yang berlaku penyelewengan. Itu kita serah kepada pejabat peguam negara dan kementerian juga. Saya minta satu kertas dikemukakan kepada pihak berwajib. Itu saya tidak campur tangan, sebaliknya berikan kebebasan kepada pegawai undang-undang ambil tindakan.

S: Bagaimana dengan jaminan keselamatan makanan di bawah kerajaan baharu?

J: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pernah kata Malaysia menuju negara industri sepenuhnya. Namun, beliau juga kata kita tidak boleh lupa sektor pertanian. Dr Mahathir mahu fokus sektor pertanian. Istilah keselamatan makanan ini saya harus adakan satu mesyuarat khas dengan pihak kementerian supaya kita boleh tahu maklumat, jumlah stok beras kita berapa setakat ini kerana kita ada sawit, ada getah tetapi apabila kecemasan kita tak boleh makan sawit, kena ada beras. Ini dikatakan industri yang perlu kita jaga.

Berapa lama beras itu disimpan, ketahanannya dan kalau tiga bulan boleh tingkatkan kepada enam bulan. Jadi, ini semua perlu kepada satu pengawasan dan juga

objektif baharu yang perlu kita tentukan bagi menjamin keselamatan makanan khusus untuk negara. Sebab dunia serius bincang hal ini. Isu ini saya akan lihat secara serius, Insya-Allah.

S: Adakah pengeluaran beras negara tidak cukup untuk tanggung populasi? Apa penyelesaian YB sebagai menteri?

J: Sudah 60 tahun kita merdeka. Ini soalan yang masih saya cari kerana tidak mahu dilabel capik besar. Saya harus lihat apa sebenarnya jadi penghalang. Adakah baja sebagai contoh? Taklami kementerian sebelum ini memaklumkan bahawa ada satu akta baharu dibawa kementerian berkenaan baja. Objektifnya petani akan dilindungi daripada memiliki baja tidak berkualiti dan untuk pastikan petani dapat baja berkualiti.

Kenapa tidak boleh tingkatkan hasil padi? Kalau bicara mengenai saiz, Taiwan juga kecil tetapi kalau kita lihat, bukan setakat terjamin keselamatan makanan, malah cukup untuk eksport lagi luas mereka. Thailand tanah luas tetapi teknologi cukup tinggi, sampai tiga kali setahun boleh tanam padi.

S: Adakah kerajaan bercadang memansuhkan monopoli industri beras?

J: Itu akan diteliti dalam mesyuarat minggu ketiga pada peringkat polisi. Saya akan lihat polisi syarikat Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) dahulu. Memang isu monopoli bukan sahaja BERNAS, malah memabatkan komoditi lain juga. Perkara ini secara holistik akan dilihat oleh Kabinet. Objektif asal BERNAS adalah untuk jaga dan memelihara industri beras negara tetapi sudah lari daripada matlamat asal. BERNAS pula nasihat kerajaan daripada tanam padi dan beri subsidi yang memerlukan kos, lebih baik eksport. Peranan entiti itu sudah tertukar. Mereka kata, memang mudah untuk eksport, yang kaya dan ada segelintir individu dalam BERNAS, ambil kesempatan jadi jutawan.

Tetapi kita nak capai matlamat terjaminnya keselamatan beras negara, kita harus bangunkan. Kalau kerajaan dan Kabinet setuju, kita mahu jadi negara pengeksport beras menjelang 2025 sebagai contoh, kena mula sekarang. Kalau mangga Harum Manis dan durian boleh tembusi negara luar, saya nampak tiada masalah.